

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25 April 2017**

**SOALAN**

Datuk Ng Chiang Chin minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjaga kebajikan warga emas berikut dengan laporan Jabatan Statistik Negara yang menyatakan bahawa Malaysia akan menjadi sebuah negara tua menjelang tahun 2035 dengan anggaran warga emas berumur 60 tahun ke atas adalah sebanyak 5.6 juta atau 15% daripada jumlah populasi negara, berbanding dengan 2.8 juta atau 9% daripada populasi sebanyak 31 juta pada tahun 2015.

## **JAWAPAN**

Warga emas di Malaysia merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh United Nations World Assembly on Ageing di Vienna, Austria (1982). Berasaskan unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara kita dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2030 dengan jumlah warga emas seramai 5.80 juta orang. Tuan Yang Dipertua, Sebagai penyediaan awal bagi menjaga kebijakan dan menjamin kesejahteraan warga emas, pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kerajaan. Langkah persediaan awal yang telah diambil ialah penggubalan Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995. Selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula dasar tersebut. Susulan daripada kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakannya telah diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011 yang akan dilaksanakan bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Tuan Yang Dipertua, Bagi memantau pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan ini, Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara telah ditubuhkan pada 22 Mei 1996. Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sementara ahli-ahlinya terdiri daripada kementerian/agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan yang mewakili golongan warga emas. Tuan Yang Dipertua, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebijakan dan kewangan seperti Bantuan Orang Tua (BOT) dan penjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan. Bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menjamin kesejahteraan warga emas, KPWKM juga telah berkolaborasi dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menyediakan pelbagai program dan perkhidmatan seperti penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), program pengangkutan Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Program Home Help Services. Penyelidikan juga merupakan elemen yang penting sebagai persediaan negara untuk menjadi negara tua. Kajian terkini bertajuk "Kemudahan dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Di Malaysia Menjelang 2030" telah disiapkan pada 27 Januari 2017 bagi mengambil inventori kemudahan dan perkhidmatan warga emas serta mengenal pasti isu dan cabaran dalam menepati keperluan warga emas semasa dan akan datang. KPWKM yakin bahawa Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan segala inisiatif yang dinyatakan di atas merupakan satu bentuk rancangan rapi dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas bukan sahaja daripada aspek kesihatan, sosial dan ekonomi malah ia turut merangkumi semua aspek berkaitan warga emas.

